



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

13 Nov 2020 (Jumaat)

Berita Harian

Malaysia fokus tiga agenda utama	1
Sidang sahkan Kerangka Pemulihan Komprehensif pertubuhan serantau	2
Institusi Raja perlu dijunjung demi keutuhan negara	3
Utama keselamatan elak jadi mangsa jenayah	4
87 peratus bekalan air di kawasan terjejas pulih	5
SPAN nafi lewat bertindak	6
Kerajaan Selangor sedia bincang	7

Utusan Malaysia

Kuasa kerajaan negeri terhad	8
Zakat atas duit kutu	9
RCEP, Covid-19 jadi tumpuan	10
Selangor semak ganjaran tanah	11

Harian Metro

Kes di Negeri Sembilan, Lembah Klang merisaukan	12
Sabah masih tertinggi	13
400 penduduk dah ghaib	14
93% kawasan sudah terima bekalan air	15
Selangor teliti isu tanah skuad 1995	16

Kosmo

PM bersidang secara maya di ASEAN ke-37	17
1,110 kawasan sudah terima air	18

Sinar Harian

Gangguan bekalan air di Selangor jadi bahan lawak rakyat	19
87 peratus kawasan terjejas terima bekalan air sepenuhnya	20
'Ada pihak sengaja cemar air'	21
Kerajaan negeri Selangor teliti isu ganjaran tanah	22

Selangor TV

Aduan Paip Pecah Berkurangan	23
Daerah Gombak Paling Rendah Tunggakan Cukai	24
Dalang Pencemar, Kerajaan Negeri Tidak Akan Tunduk	25
Denda RM1 Juta Bagi Pencemar Air – JPK-SAS	26
DNS Selesai, Tujuh Penyata, Satu Usul Diluluskan	27
Elak Tunggakan Cukai, Petugas Disaran Giat Kutipan	28
Ganjaran Tanah Skuad 'Red Giant' 1995, Kerajaan Selangor Teliti...	29
Geran SITHAM, Bantuan Alat Niaga Usahawan India	30
Koridor Utiliti Selangor Sedang Dibangunkan	31
Selangor Lancar e-Bazar Deepavali, 300 Usahawan Dijangka Sertai	32
Selangor Prihatin Dimata Komuniti India	33

The Star

MBPJ DRAFT PLAN	34
MBSA matters	35
'Preserve peace in South China sea'	36
WASTE COLLECTION	37



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Free flow of info vital	38
The Sun	
Boiling point	39
Let's work together to fight Covid-19, Muhyiddin tells Asean	40
The Edge	
Smart river solutions	41
The appeal of Mawar Sari at Bandar Saujana Utama	42
Kumpulan Perangsang Selangor to be privatised?	43
Water conundrum in Selangor	44
Of water disruptions and another monopoly mishaps	45
The Malaysian Reserve	
Regressing into all that are pseudo	46
China Press	
From next month in Petaling Jaya Section 5, garbage needs to be sorted	47
Selangor MB: Will try to honor the promise to reward the former football team, but not the land as a prize	48
MPSJ eLesen system re-named, and open online services for Application and Renewal	49
Nanyang Siang Pau	
Illegal or expired license, 17 Rawang factories have been ordered to shut down	50
Suspected of polluting the environment and operate without a permit, 2 recycling plant was closed by MPK	51
SPAN denied delayed management for Rawang water treatment plant pollution	52
Oriental Daily	
Severe pandemic, Klang closes 2 markets	53
Guang Ming Daily	
SPAN denounced Hee Loy Sian's remarks about not notifying Selangor government, saying it is misleading	54
Makkal Osai	
Selangor Menteri Besar's wife Datin Sri Mastina donates Deepavali gift hampers	55
Malaysia Nanban	
Water supply restored back to normal in 888 areas	56



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
13 November 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Malaysia fokus tiga agenda utama
Muka Surat	:	4

Malaysia fokus tiga agenda utama

Tingkat perdagangan, pelaburan pulih ekonomi pasca COVID-19

Oleh Alzahrin Alias
 zahrin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia akan menumpukan tiga agenda utama pada Mesyuarat Pemimpin Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (AELM) dan Mesyuarat Menteri Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (AMM) sempena Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) 2020.

Tumpuan utama itu adalah meningkatkan perdagangan dan pelaburan, penyertaan inklusif melalui digital ekonomi dan tekno-

logi, serta peralihan ke arah kelestarian inovatif.

Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada lebih 100 mesyuarat berkaitan APEC dengan 70 mesyuarat akan dijalankan secara maya.

Selain AELM dan AMM, mesyuarat utama lain yang akan dipengerusikan Malaysia adalah Mesyuarat Menteri Sektor, Mesyuarat Pegawai Kanan (SOM) dan SOM Sesi Khas bagi Visi Pasca-2020.

Malaysia memilih tema 'Mengoptimalkan Potensi Insan ke-



arah Masa Depan Perkongsian Kemakmuran' bagi APEC 2020, yang mencerminkan bahawa falsafah yang mendokong forum ini adalah 'Perkongsian Kemakmuran'. Mesyuarat utama akan diada-

kan bermula hari ini, membatik Mesyuarat Rumusan Pegawai Kanan (CSOM) diikuti AMM pada 16 November; Mesyuarat ABAC IV (17 November); Dialog CEO APEC (19 hingga 20 November) dan AELM pada 20 November.

AMM akan dipengerusikan Menteri Kanan (Ekonomi) yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali secara maya dengan dihadiri Menteri Perdagangan dan Menteri Luar peserta ekonomi APEC.

Agenda utama AMM adalah meningkatkan perdagangan dan pelaburan, keutamaan pelaburan dalam pemulihan ekonomi pasca COVID-19, kerjasama serantau da-

lam ekonomi digital dan kelestarian, pemerksaan ekonomi wanita, keselamatan makanan, pengurusan sumber asli secara lestari dan pembaharuan struktur.

Kemuncak persidangan APEC adalah AELM yang akan dipengerusikan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Jumaat depan. Persidangan yang juga secara maya itu akan turut dihadiri semua 21 pemimpin utama ekonomi APEC.

COVID-19 akan menjadi topik utama perbincangan AELM dalam tindak balas ekonomi bagi mengurangkan impak kesihatan dan kesan ekonomi. Malaysia juga akan mengukuhkan APEC menjadi konsensus penting dalam forum ekonomi serantau utama.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
13 November 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Sidang sahkan Kerangka Pemulihan Komprehensif pertubuhan serantau
Muka Surat	:	4

Sidang sahkan Kerangka Pemulihan Komprehensif pertubuhan serantau

Kuala Lumpur: Sidang Kemuncak Ke-37 semalam, mengesahkan Kerangka Pemulihan Komprehensif pertubuhan serantau itu yang disyorkan Malaysia semasa Sidang Kemuncak ASEAN+3 mengenai COVID-19 pada April lalu.

Perkara itu diumumkan ketika pembentangan rasmi Kajian Serparuh Pengal Rangka Tindakan Wawasan Komuniti ASEAN 2025, Kerangka Kerja Pelan Pemulihan Komprehensif ASEAN dan pelan-caran Rizab Bekalan Perubatan



Serantau ASEAN.

Pada sesi pleno sebelah pagi semalam, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin bersyukur dan gembira apabila cadangan Malaysia itu menjadi kenyataan. Muhyiddin berkata, sebagai



Sidang Kemuncak ASEAN Ke-37 diadakan secara maya dengan dengan dipengerusikan Perdana Menteri Vietnam, Nguyen Xuan Phuc di Hanoi, semalam. (Foto EPA)

blok serantau yang rata-rata terdiri daripada negara membangun, adalah mustahak untuk menumpukan kepada Kerangka Pemulihan Komprehensif ASEAN.

"Saya gembira melihat cadangan saya pada awal tahun ini yang akan kita sahkan hari ini (semalam), menjadi realiti.

"ASEAN harus menyusun pendekatan strateginya untuk merencanakan kembali ekonomi, perdagangan dan pelaburan dengan menerapkan norma baharu dalam penglibatan ekonomi kita melalui teknologi termasuk platform digital," ujarnya.

Katanya, pergerakan barang dan perkhidmatan termasuk infrastruktur utama seperti pelayaran dan lapangan terbang, jaringan logistik, masih dapat diakses dan disesuaikan dengan norma baharu untuk mempertahankan pertumbuhan ekonomi pada masa mencabar ini.

"Selain itu, membolehkan pergerakan orang di rantau ini juga akan membantu mendorong pertumbuhan ekonomi. Justeru, dalam hal ini, pergerakan melalui Koridor Perjalanan penting dan harus diberi keutamaan," katanya.

Muhyiddin juga menekankan

rancangan pemulihan ekonomi ASEAN, selain mempertimbangkan perihwal kewangan, ia juga harus menumpukan kepada keperluan menjalin perkongsian serantau yang bersepadu dan kukuh demi memelihara kekayaan struktur sosial yang mendasari komuniti ASEAN.

Katanya, ekoran gangguan terhadap rantaian bekalan global,

Selain itu, membolehkan pergerakan orang di rantau ini juga akan membantu mendorong pertumbuhan ekonomi. Justeru, dalam hal ini, pergerakan melalui Koridor Perjalanan penting dan harus diberi keutamaan.

Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri

ASEAN harus merebut peluang itu untuk memperkuatkan asasnya yang dimiliki.

"Sebagai wilayah yang dilimpahi kekayaan sumber asli, inilah saatnya bagi kita meneroka cara untuk memperkuatkan keselamatan makanan di rantau ini.

"Pandemik COVID-19 memberi kita pengajaran bahawa ASEAN harus berikhtisar dalam menghadapi krisis yang belum pernah terjadi sebelum ini, sama ada pada masa sekarang atau akan datang," katanya.

Muhyiddin mengetuai delegasi Malaysia pada sidang kemuncak dwitahunan itu dari Kuala Lumpur. Berlangsung sehingga Ahad, sidang kemuncak berkenaan dipengerusikan Perdana Menteri Vietnam, Nguyen Xuan Phuc selaku Pengerusi ASEAN 2020.

Yang turut mengambil bahagian, Menteri Luar Datuk Seri Hishammuddin Hussein serta Menteri Kanan (Ekonomi) merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

ASEAN yang ditubuhkan pada 1967, dianggotai Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. BERNAMA



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
13 November 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Institusi Raja perlu dijunjung demi keutuhan negara
Muka Surat	:	10

MukaSepuluh

E-mel: bhrencana@bh.com.my
 BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur



Dr Abdul Ghafar Don

Institusi Raja perlu dijunjung demi keutuhan negara

Institusi Raja tidak dapat dipisahkan dengan masyarakat Melayu. Kedua-dua pihak, sama ada Raja mahupun rakyat saling memerlukan antara satu sama lain.

Jatuh bangun sesebuah kerajaan seperti dibuktikan dalam sejarah kerajaan atau kesultanan Melayu, terletak kepada kerjasama antara kedua-duanya.

Justeru, Raja yang memerintah memerlukan kebijaksanaan, manakala rakyat wajar memberikan ketaatan kepada Raja atau Sultan bagi memastikan survival dan keunggulan sesebuah kerajaan.

Hakikat ini dinyatakan C C Brown dalam *Sejarah Melayu* atau *The Malay Annals* bahawa negara hanya wujud selagi wujud seorang Raja berwibawa. Dengan kata lain, Raja adalah simbol kepada kedaulatan, kemakmuran, perpaduan, keharmonian dan kekuatan sesebuah masyarakat.

Selain berfungsi sebagai payung dan tonggak kekuatan masyarakat Melayu, peranan Raja-Raja atau Kesultanan Melayu dalam kelestarian dan pembangunan dakwah juga tidak boleh dinafikan.

Kesultanan Melayu-Islam masa silam sebagai contoh Melaka, memainkan peranan aktif dalam proses dakwah dan Islamisasi. Kesungguhan Raja-Raja dalam mempromosi dakwah Islamiah dicatatkan sejarawan tempatan dan orang Barat.

Perkembangan dakwah Islamiah dalam institusi Raja Melayu bermula dengan pemerintahan Sultan Iskandar Syah (nama asal sebelum Islam adalah Parameswara).

Pemerintahan Islam di bawah pimpinan baginda menjadi asas kepada perkembangan dan usaha melestarikan dakwah. Legasi kepemimpinan di bawah Raja-Raja Melayu Islam, kemudian terus menjadikan Islam sebagai teras politik kenegaraan.

Tome Pires, seorang penulis Portugis misalnya dalam *The Suma Oriental of Tome Pires* mencatatkan bahawa Sultan Mohammad Syah memimpin semua orang Melaka 'pada peringkat atasan dan peringkat bawahan' supaya memeluk Islam. Beberapa Sultan di Melaka

yang seterusnya hanya meneruskan apa dilakukan Sultan Mohammad Syah.

Usaha mengembangkan Islam dan melestarikan dakwah Islamiah antara lain dapat dilihat melalui gelaran kepada Raja-Raja Melayu yang berunsur Islam seperti al-Sultan, khalifah al-mukminin dan al-mutawakkil.

Selain gelaran berunsur Islam, hukum diguna pakai bagi negeri Melayu juga berdasarkan undang-undang atau syariat Islam.

Antara contoh ialah Hukum Kanun Melaka dan Batu Bersurat Terengganu dengan tulisan Jawi yang diiktiraf sebagai satu daripada warisan dunia yang bernilai oleh UNESCO.

Batu Bersurat ini antara lain menjelaskan mengenai hukum fikah berkaitan persoalan jenayah, muamalat dan muakahat.

Budaya ilmu hasil pengaruh Islam juga begitu subur dan semarak dalam lingkungan istana. Raja-Raja Melayu kelihatan begitu mencintai ilmu dengan menjadikan istana sebagai pusat wacana keilmuan.

Sejarah Melayu misalnya, merakamkan bagaimana Sultan Mansor Syah Melaka menjadikan kitab *Durr al-Manzum* karangan Maulana Abu Ishak sebagai bahan bacaan atau telaah baginda.

Sultan Selangor Ke-5, Sultan Alauddin Shah yang memerintah antara 1898 hingga 1938 pula dikatakan mengarang sebuah kitab tauhid. Baginda juga dikatakan berdakwah menyampaikan mesej agama dengan menaiki mimbar menyampaikan khutbah Jumaat dan khutbah dua hari raya di Masjid Alaudin Kuala

Langat Selangor.

Senario sejarah itu membuktikan Raja-Raja Melayu memainkan peranan signifikan dalam konteks kelestarian dakwah Islamiah dan perkembangan Islam. Perubahan dan peredaran zaman dalam institusi kesultanan dan Raja Melayu bagaimanapun tidak mengganggu gugat keutuhan sistem beraja di negara ini.

Kewujudan sistem beraja dan kedudukan Raja-Raja Melayu hari ini masih relevan, sekalipun berlaku perkembangan dan peredaran zaman.

Hari ini, institusi Raja bukan sahaja menjadi tonggak kepada agama Islam dan orang Melayu, malah payung kepada keharmonian serta perpaduan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Hal ini termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 153 yang menyatakan Raja berperanan menjaga kedudukan orang Melayu tanpa mengabaikan kedudukan dan kepentingan bangsa lain.

Tidak sepatutnya ada pihak cuba mempertikaikan kedudukan dan keistimewaan institusi Raja, bangsa dan bahasa Melayu serta agama dan dakwah Islamiah seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Ini bermaksud, Raja bukan hanya menjadi Raja atau ketua kepada sesuatu bangsa atau golongan tertentu, malah memayungi kedaulatan negara untuk memberi nungan saksama kepada setiap warga tanpa mengira kaum, agama dan politik.

Meskipun ada usaha menghapuskan imuniti Raja-Raja Melayu dan mempersoalkan kewujudan sistem beraja, kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam tetap dan amat memerlukan Raja atau Sultan sebagai payung atau penaung dalam mempertahankan kedudukan Islam dan umat Islam di negara ini tanpa menafikan hak kaum dan bangsa lain.

Bangsa lain di negara ini harus menghormati kontrak sosial dan memahami bahawa Islam dan Melayu adalah agama serta bangsa teras di negara ini.

Setiap negara ada agama dan bangsa teras serta dominan yang perlu diiktiraf dan dihormati. Kefahaman bangsa lain terhadap kedudukan Islam dan Melayu sebagai agama serta bangsa teras di negara ini akan menjamin kestabilan, keharmonian dan kemakmuran negara.

Oleh itu, tidak sepatutnya ada pihak cuba mempertikaikan kedudukan dan keistimewaan institusi Raja, bangsa dan bahasa Melayu serta agama dan dakwah Islamiah seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Dalam konteks senario semasa, memperlihatkan bagaimana Raja-Raja Melayu dengan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sebagai ketua negara dan ketua agama Islam, melaksanakan fungsi dan peranan institusi Raja secara berkesan.

Keprihatinan baginda dan Raja-Raja Melayu di negara ini terhadap masalah rakyat yang berhadapan pelbagai kesukasan dalam situasi COVID-19, di samping kemelut politik yang tidak berkesudahan menjadi bukti kefungsi-an dan peranan institusi beraja masih relevan dan perlu dijunjung demi keutuhan dan kemakmuran negara.

Penulis adalah Profesor Madya di Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.





KERATAN AKHBAR 13 November 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Utama keselamatan elak jadi mangsa jenayah
Muka Surat	:	11

Utama keselamatan elak jadi mangsa jenayah

Rezeki terpijak buat Nur Athirah Abdul Latif, 23, selepas dirundung malang apabila motosikal yang baru dibeli kira-kira tiga bulan lalu, hilang dicuri di sebuah pasar raya di Batu Caves.

Selepas kejadian minggu lalu itu, Nur Athirah menerima kejutan daripada Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin, yang menghadiahkannya sebuah motosikal baharu sebagai ganti.

Kisah sedihnya ketika kehilangan motosikal itu tular di media sosial memandangkan motosikal dicuri punca rezeki kepadanya untuk menyara ibu dan dua adik-beradiknya yang lain melalui hasil pendapatan sebagai penghantar makanan sepenuh masa.

Kisah Nur Athirah antara cerita duka rakyat Malaysia yang diuji sepanjang negara 'terkurung' sejak Mac lalu dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi melawan pandemik COVID-19.

Ketika rakyat Malaysia diuji kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan, ada pula mengambil jalan mudah menjadikan harta benda milik orang lain untuk mendapatkan duit!

Ketika peringkat awal pelaksanaan PKP Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Badar, ada menyatakan kadar indeks jenayah menurun 70 peratus di seluruh negara, namun kes jenayah masih berlaku secara ketara

adalah pecah rumah dan mencuri motosikal.

Sebaik kerajaan 'melonggarkan' PKP di seluruh negara mulai Jun lalu, ia secara tidak langsung membuatkan penjenayah menghidu keadaan ini sebagai satu peluang untuk kembali merencanakan kegiatan.

Andaian ini ada asasnya kerana Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) Selangor, Datuk K Kumaran, mengakui berlaku peningkatan indeks jenayah di Selangor susulan kelonggaran pergerakan selepas tamat PKP.

Beliau memaklumkan, penjenayah mengambil peluang untuk menyambung aktiviti jenayah yang tergendala sebelum ini susulan larangan keluar rumah ketika PKP.

Pecah rumah, samun, mencuri, ragut dan seumpamanya adalah 'pekerjaan' kepada individu yang kita gelarkan sebagai penjenayah.

Sedarilah penjenayah ibarat jerat yang tak pernah lupakan pelanduk, sentiasa 'bersedia' menunggu mangsanya.

Persoalannya adakah kita sentiasa berjaga-jaga dan berwaspada daripada dijera? Menurut Polis Diraja Malaysia (PDRM), sikap cuai dan ambil mudah masyarakat terhadap keselamatan diri dan harta benda mereka antara punca berlaku kes jenayah.

Contohnya daripada beberapa kes curian dan rompakan, ia berlaku ke-

rana mangsa meletakkan kenderaan di tempat kurang selamat, meninggalkan kenderaan tanpa dikunci atau pengawasan sepenuhnya.

Bagi wanita pula, ada yang keluar rumah dengan memakai barangan kemasa seperti rantai, gelang dan sebagainya yang terlalu menonjol.

Masyarakat perlu mengelakkan kecuaiannya sebegini kerana ia menarik perhatian dan memudahkan penjenayah membuat onar.

Justeru, masyarakat harus lebih bertanggungjawab dalam setiap perkara berkaitan harta benda demi menjamin keselamatan, selain tidak mengundang

keinginan penjenayah mengambil kesempatan ke atas harta benda mereka.

Sesungguhnya, musibah pandemik COVID-19 yang mabadai dunia kini benar-benar menguji survival manusia meneruskan kelangsungan hidup. Yang lemah imannya mungkin memilih jalan salah, tetapi keterdesakan ini tidak menghalalkan kepada pelaksanaan sebarang aktiviti jenayah untuk bermaharajalela.

Penulis adalah Timbalan Pengarah Pusat Komunikasi Strategik Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)



Mohd Zaini Othman





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **13 November 2020**

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	87 peratus bekalan air di kawasan terjejas pulih
Muka Surat	:	22

87 peratus bekalan air di kawasan terjejas pulih

Shah Alam: Sejumlah 1,185 kawasan atau 93 peratus dari 1,279 kawasan yang terbabit dengan gangguan bekalan air tidak berjadual sudah menerima bekalan air sepenuhnya sehingga jam 6 petang semalam.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dalam satu kenyataan berkata, sehingga kini, masih berbaki 94 kawasan di wilayah yang terjejas berada dalam proses pemulihan.

"Setakat ini wilayah Petaling, Kuala Lumpur dan Kuala Selangor masing-masing sudah mencapai pemulihan bekalan air pada tahap 99 peratus.

"Sementara itu, wilayah Hulu Selangor dan Gombak masing-masing pada 91 peratus dan 87 peratus, manakala wilayah Kuala Langat dan Klang/Shah Alam pula masing-masing berada pada 80 peratus dan 72 peratus," menurut kenyataan itu.

Air Selangor juga mengingatkan pengguna yang sudah menerima bekalan air agar menggunakan air secara berhemat.



KERATAN AKHBAR		
13 November 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	SPAN nafi lewat bertindak
Muka Surat	:	22

Pencemaran Sungai Selangor

SPAN nafi lewat bertindak

Cyberjaya: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menafikan dakwaan pihaknya dan Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd lewat bertindak menangani kejadian penemuan efluen asing di Loji Rawatan Kumbahan (LRK) Taman Velox, Rawang, Selangor, di sini, 4 November lalu.

SPAN dalam kenyataan, semalam berkata, penemuan efluen asing itu bukan punca pencemaran menyebabkan penutupan empat Loji Rawatan Air (LRA) Selasa lalu yang mengakibatkan gangguan bekalan tidak berjadual di Lembah Klang.

SPAN berkata, suruhanjaya berkenaan mengarahkan IWK menghentikan operasi di LRK terbabit pada 5 November lalu dan mengarahkan tiada sebarang efluen dilepas keluar dari premis berkenaan ke Sungai Gong.

"Pihak IWK dengan bantuan SPAN turut menjalankan siasatan sumber pencemaran terhadap premis perindustrian berhampiran dan sisa efluen dari dua syarikat diambil untuk persampelan pada hari sama," katanya.

Selain itu, katanya, IWK me-

ngeluarkan notis maklumat kepada pihak berkuasa tempatan serta Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor pada 4 November memaklumkan situasi pencemaran efluen di LRK Taman Velox serta membuat laporan polis pada 5 November supaya siasatan terperinci dapat dilakukan.

SPAN berkata demikian sebagai mengulas dakwaan EXCO Selangor, Hee Loy Sian pada sidang

Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor kelmarin, mengaitkan pencemaran bau yang menyebabkan penutupan empat LRA terbabit dengan tindakan lewat pihak IWK dan SPAN.

Mengenai kejadian pencemaran bau air mentah di Sungai Selangor yang menyebabkan gangguan bekalan air, SPAN berkata, ia dikesan pasukan penguat kuasa Lembaga Urus Air Selangor

(LUAS) pada jam 12.20 tengah Selasa lalu dan serentak dengan penemuan itu, semua agensi penguat kuasa berkaitan termasuk SPAN turun padang mencari punca pencemaran.

"Tindakan bersepadu melibatkan pelbagai agensi ini membolehkan hasil apabila premis yang disyaki punca (pencemaran) ditemui pada malam hari yang sama dan semua empat LRA kembali beroperasi kurang 15 jam dari waktu ia mula dihenti tugas," katanya.

Pada Selasa lalu, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) memaklumkan LRA Rantau Panjang dan Sungai Selangor Fasa (SSP) 1, 2 dan 3 dihenti tugas berikutan pencemaran sumber air mentah menyebabkan gangguan bekalan tidak berjadual membabitkan 1,139,008 akaun pengguna di Lembah Klang.

Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang dilaporkan berkata, pencemaran itu dipercayai berpunca dari kawasan industri kecil dan sederhana di Taman Velox, Rawang. BERNAMA



Keratan akhbar BH, semalam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 13 November 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Kerajaan Selangor sedia bincang
Muka Surat	:	55

Susulan isu anugerah tanah

Kerajaan Selangor sedia bincang

Semak, teliti data MMKN babit juara Piala Malaysia 1995

Oleh Norzamira Che Noh
bhsukan@bh.com.my

Shah Alam: Kerajaan negeri akan menyemak dan meneliti data Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sebelum ini berkaitan anugerah sebidang tanah kepada pasukan bola sepak Selangor yang menjulang Piala Malaysia pada 1995 bagi memastikan kesahihannya.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata bagi memenuhi tawaran berkenaan ia mungkin membebankan kera-

na lebih 30 individu terbabit termasuk pegawai, jurulatih dan pemain, selain ada yang sudah meninggal dunia.

“Kita perlu semak dahulu permohonan mereka. Mungkin satu pertemuan akan diaturkan bersama untuk berbincang mengenai perkara ini.

“Walaupun ini bukan bebanan yang perlu ditanggung kerajaan negeri sekarang, saya rasa mereka menyumbang kepada kejayaan dan kegemilangan negeri pada satu ketika dahulu, malah dikenali sampai sekarang.

“Saya simpati dan kita perlu teliti apa bantuan yang perlu kita berikan,” katanya selepas perasmian program Pembangunan Usahawan India Selangor (SITHAM) Yayasan Hijrah Selangor di Bangunan SUK Selangor, di sini, semalam.

Kelmarin, pasukan Piala

Malaysia Selangor 1995 mengadakan sidang media khas berkaitan tawaran sebidang tanah seluas 0.4 hektar yang dijanjikan kepada mereka selepas merangkul Piala Malaysia pada tahun berkenaan namun belum diterima sehingga kini.

Wakil pemain yang juga kapten Selangor pada 1995, Ismail Ibrahim mahukan penjelasan daripada pihak bertanggungjawab mengenai ganjaran terbabit, memandangkan ia sudah dianugerahkan secara nyata kepada mereka sejak 25 tahun lalu itu.

Selangor menjulang Piala Malaysia buat kali ke-28 selepas menanti sembilan tahun pada 11 November 1995. Anugerah sebidang tanah itu adalah atas penghargaan kerajaan negeri ketika itu yang dipimpin Menteri Besar, Tan Sri Muhammad Muhd Taib.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
13 November 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Kuasa kerajaan negeri terhad
Muka Surat	:	11

Kuasa kerajaan negeri terhad

Oleh **NOR AZIHAN MD. GHAZALI**
 utusannews@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Kerajaan negeri perlu mendapatkan bantuan pelbagai agensi lain termasuk pihak polis dalam menangani isu pencemaran di negeri ini ekoran bidang kuasa yang terhad.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, beliau berharap pihak berkenaan dapat bersama-sama membantu dari segi meningkatkan kawalan dan pemantauan.

"Walaupun kerajaan negeri telah melakukan pelbagai usaha dalam mencegahnya, insiden sama masih berulang.

"Bagaimanapun kerajaan negeri akan meningkatkan kawalan melalui penggunaan dron bagi memantau perbuatan yang tidak bertanggungjawab itu," katanya selepas melancarkan program Pembangunan Usahawan India Selangor (SITHAM) anjuran Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah Selangor) di Bilik MTES, Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) di sini semalam.

Dalam pada itu, Amirudin



KAKITANGAN Perbadanan Urus Air Selangor (PUAS) meletakkan karbon diaktifkan bagi menghilangkan bau pencemaran di loji rawatan air Sungai Selangor, Rawang, Selangor baru-baru ini. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI

berkata, pencemar sumber air di Selangor dianggap sebagai musuh nombor satu kerajaan negeri yang harus diperangi secara

berterusan.

Beliau berkata, pihaknya tidak akan tunduk kepada musuh terabit sebaliknya terus

melawan dengan meningkatkan usaha pemantauan melalui bantuan PDRM bagi mencegah insiden sama berulang.



Walaupun kerajaan negeri telah melakukan pelbagai usaha dalam mencegahnya, insiden sama masih berulang."

AMIRUDIN SHARI

"Mereka yang bertanggungjawab melakukan pencemaran adalah musuh paling utama yang harus dilawan, mungkin mereka fikir cara kotor itu boleh melunturkan imej kerajaan negeri.

"Kita percaya ini usaha berterusan pihak berkenaan untuk menyerang pentadbiran kerajaan negeri termasuk cubaan memberikan imej buruk," katanya.



KERATAN AKHBAR 13 November 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Zakat atas duit kutu
Muka Surat	:	21

Oleh **HAMIZUL ABDUL HAMID**

KUTU adalah satu kaedah pinjam meminjam wang. Selalunya, sekumpulan orang bersetuju untuk masing-masing mendahulukan wang sebagai pinjaman dalam jumlah yang tertentu kepada satu orang lain secara bergiliran atau melalui cabutan undi.

Menurut Akta 28 Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971, ia ditafsirkan sebagai: "Kumpulan wang kutu" ertinya rancangan atau perkiraan yang dikenali dengan berbagai-bagai nama seperti kutu, cheetu, chit fund, hwei, tontine atau sebagainya yang menurutnya para pesertanya membayar yuran berkala atau selainya kepada suatu kumpulan wang bersama dan kumpulan wang bersama itu dijual atau dibayar kepada peserta-peserta dengan jalan lelong, tender, tawaran, undi atau selainya dan termasuklah apa-apa rancangan atau perkiraan daripada berbagai-bagai jenis seperti kutu, cheetu, chit fund, hwei atau tontine".

Mekanisme ini amat terkenal khususnya bagi yang berpendapatan rendah. Ini kerana ia membolehkan mereka mendapat pinjaman wang yang banyak dengan segera, secara *in advance*, tanpa sebarang caj faedah dan dapat memenuhi keperluan dengan segera.

Namun di sisi syarak, hendaklah ada satu sistem yang menjamin agar tidak berlaku penipuan dan sebagainya, misalnya dengan dibuat perjanjian bertulis.

Oleh itu, melihat kepada sistem kutu maka dapat dirumuskan bahawa ia adalah sebahagian daripada bentuk hutang. Dalam perbincangan fikah, memang ada disebutkan tentang zakat ke atas hutang.

Ada beberapa syarat bagi zakat hutang:

Pertama, hutang itu hendaklah dalam bentuk *mal zakawi* (harta zakat), iaitu wang.

Kedua, ia melibatkan dua pihak yang terlibat, iaitu pemberi hutang (pencarum wang kutu) dan penerima hutang (penerima wang kutu).

Ketiga, melihat kepada kondisi hutang sama ada



ADA beberapa syarat yang perlu diperhalusi bagi memastikan duit kutu yang diterima ditunakan zakatnya. - GAMBAR HIASAN

Zakat atas duit kutu

CONTOH

Ali dan 11 sahabatnya bersetuju main kutu dengan caruman RM1,000 sebulan, selama tempoh 12 bulan.

Harta	Jumlah
Wang simpanan	RM10,000.00
Wang pelaburan	RM15,000.00
Wang Kutu	RM11,000.00
Jumlah	RM36,000.00

Maka, zakat kutu Ali:

$RM1,000 \times 12 \text{ bulan} = RM12,000 - RM1,000 = RM11,000 \times 2.5$ peratus = zakat.

ia boleh diterima kembali ataupun hutang yang tiada harapan dibayar balik. Kutu memenuhi ketiga-tiga syarat ini.

Bagi pemain kutu yang telah menerima wang kutunya (penerima hutang), maka

hendaklah dilihat apakah dia telah menggunakan wang itu hingga habis. Jika habis, maka tiada zakat ke atasnya. Jika wang itu dilaburkan atau disimpan (masih utuh), maka wajib baginya membayar zakat ke atasnya dengan

digabungkan bersama wang yang lain. Namun dia perlu menolak jumlah carumannya sendiri terlebih dahulu.

Bagi pencarum kutu yang belum menerima wang, maka mereka hakikatnya akan tetap menerimanya juga, kerana ada jaminannya (masuk kategori hutang yang ada harapan dibayar).

Maka, pada tarikh haul, wajib baginya mencampurkan RM11,000 yang bakal diterima itu biarpun dia belum menerimanya lagi.

Contoh: Haul Abu ialah pada Oktober, sedangkan dia akan menerima wang kutu pada Disember.

Maka, pada Oktober semua wang Abu perlu digabungkan bersama-sama wang kutu yang bakal dia terima (ditolak RM1,000 carumannya sendiri).

Maka, keseluruhan wang wajib zakat $RM36,000 \times 2.5\% =$ zakat.

Kesimpulannya, mereka yang terlibat dalam permainan kutu wajib mengeluarkan zakat sebagai

“

Melihat kepada sistem kutu maka dapat dirumuskan bahawa ia adalah sebahagian daripada bentuk hutang. Dalam perbincangan fikah, memang ada disebutkan tentang zakat ke atas hutang.”

zakat hutang, sama ada ia sudah diterima ataupun bakal diterima, dengan melihat kepada syarat-syarat zakat ke atas hutang seperti yang telah dibahasakan oleh para fuqaha. Wallahu'alam.

Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid, Ketua Jabatan Sekretariat Dakwah, Lembaga Zakat Selangor (MAIS) dan boleh dihubungi di hamizuk@zaktaselangor.com.my.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 13 November 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	RCEP, Covid-19 jadi tumpuan
Muka Surat	:	37

RCEP, Covid-19 jadi tumpuan

HANOI: Pemeteraian Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) termasuk meneliti inisiatif ASEAN bagi tindak balas Covid-19 akan menjadi agenda utama Sidang Kemuncak ASEAN Ke-37 di sini.

Sidang itu dihoskan oleh Vietnam selaku Pengerusi ASEAN 2020 dan diadakan secara maya bermula semalam hingga 15 November ini.

Selain 10 negara anggota ASEAN, negara lain turut serta dalam RCEP adalah China, Jepun, Korea Selatan, Australia dan New Zealand.

Perjanjian RCEP akan menjadikan perkumpulan itu sebagai zon perdagangan bebas terbesar di dunia berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara-negara anggota.

Sebanyak 15 negara RCEP yang mengambil bahagian merangkumi hampir satu pertiga daripada penduduk dunia dan menyumbang hampir 30 peratus daripada KDNK global.

Perjanjian berkenaan dijadual dibincangkan Ahad ini selepas hasil rundingan lapan tahun sejak ia dilancarkan secara rasmi pada Sidang Kemuncak



PERDANA MENTERI Vietnam, Nguyen Xuan Phuc mempengerusikan Sidang Kemuncak ASEAN 2020 secara maya di Hanoi, semalam. - AFP

ASEAN 2012 di Kemboja. China merupakan negara rakan dagangan terbesar bagi anggota RCEP. "Selepas lapan tahun berunding, akhirnya kita akan sampai ke kemuncak apabila RCEP akan ditandatangani Ahad ini," kata

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali menjelang persidangan secara maya itu.

Perdana Menteri Vietnam, Nguyen Xuan Phuc turut

mengesahkan pakatan itu akan menandatangani perjanjian berkenaan hujung minggu ini.

Timbalan Menteri Luar Vietnam, Nguyen Quoc Dung pula berkata, pemeteraian RCEP akan memberi momentum

baharu kepada perdagangan serantau blok berkenaan.

Perang perdagangan antara Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump dan China mendorong rundingan RCEP disegerakan, walaupun agak perlahan sejak dimulakan pada 2012.

Penyertaan Jepun dan Korea meletakkan RCEP pada kedudukan yang lebih baik untuk membentuk blok perdagangan serantau.

Bagaimanapun, bakal Presiden AS, Joe Biden dilihat akan kembali mengukuhkan hubungan negara kuasa besar itu dengan ASEAN, dalam usaha 'menyekat' pengaruh China di rantau ini.

Penolong profesor di Pusat Pengajian Multilateralisme, Sekolah Antarabangsa S. Rajaratnam di Singapura, Kaewkamol Pitakdumrongkit berkata, RCEP bakal memberi 'kelegaan' kewangan kepada negara anggota yang terjejas akibat Covid-19.

"Di sebalik peningkatan kes Covid-19, RCEP akan membantu ASEAN pulih lebih cepat apabila firma-firma dibenarkan beroperasi. Ia sekali gus memperkukuhkan ekonomi serantau," katanya. -AGENS



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 13 November 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Selangor semak ganjaran tanah
Muka Surat	:	47

Selangor semak ganjaran tanah

Oleh **NOR AZIHAN MD. GHAZALI**
 utusannews@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Suara bekas pemain Selangor yang menagih tanah dijanjikan selepas menjuarai Piala Malaysia 1995 dide-ngari apabila kerajaan negeri berjanji menyemak semula tawaran tersebut.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari bagaimanapun berkata, pihaknya perlu membuat semakan semula data yang dikeluarkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sebelum ini.

“Kita akan semak balik maklumat sama ada tawaran tanah ini pernah diluluskan atau seba-

liknya.

“Sekiranya benar, kita mahu tahu di mana lokasinya kerana bagi memenuhi tawaran ini mungkin membebaskan kerana jumlahnya ramai kira-kira lebih 30 orang termasuk pegawai, jurulatih dan pemain.

“Saya dimaklumkan juga ada sebilangan pemain sudah meninggal dunia,” katanya kepada selepas program Pembangunan Usahawan India Selangor (SITHAM) anjuran Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah Selangor) di Bilik MTES, SUK semalam.

Amirudin berkata, beliau akan cuba mengaturkan pertemuan dengan pasukan itu bagi menyelesaikan kemelut.

“Jauh di sudut hati, saya simpati terhadap mereka. Bagaimanapun, kita perlu teliti sebarang bentuk bantuan yang boleh diberikan,” ujarnya.

Kelmarin, skuad Piala Malaysia Selangor 1995 mengadakan sidang akhbar khas mempersoalkan tawaran sebidang tanah seluas 0.4 hektar yang dijanjikan kepada mereka.

Pada 11 November 1995, Selangor menjuang Piala Malaysia buat kali ke-28 selepas menanti sembilan tahun.

Bagi menghargai kejayaan itu, Menteri Besar ketika itu, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib mengumumkan untuk memberi sebidang tanah.



AMIRUDIN SHARI



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 13 November 2020		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Kes di Negeri Sembilan, Lembah Klang merisaukan
Muka Surat	:	8

Kuala Lumpur: Kesukaran mengawal pergerakan kira-kira enam juta penduduk di zon merah Lembah Klang iaitu Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya menjadi antara kebimbangan utama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam membendung Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, lebih dibimbangi jika ada penduduk zon merah itu melakukan pergerakan ke zon hijau seperti

Kes di Negeri Sembilan, Lembah Klang merisaukan

Kelantan dan Perlis seterusnya menjadi penyebar virus.

"Jika kita lihat zon merah di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya, kita tidak dapat mengawal kira-kira enam juta penduduk keluar masuk di Lembah Klang.

"Inilah yang menjadi kebimbangan kita dan apabila mereka dijangkiti ataupun

ada membawa virus, jika mereka ke zon yang hijau, contohnya balik Kelantan, balik ke Perlis, mungkin individu itu akan membawa jangkitan berkenaan," katanya.

Dr Noor Hisham turut melahirkan kerisauan berhubung kes yang meningkat di Negeri Sembilan dan Lembah Klang.

Menurutnya, jika digabungkan jumlah kes maka jumlahnya melebihi kes jangkitan baharu di Sabah.

"Contoh, hari ini (semalam) Sabah mencatatkan 319 kes namun Negeri Sembilan sebanyak 240 kes, Selangor sebanyak 174 kes, Kuala Lumpur sebanyak 47 kes dan Putrajaya satu kes.

"Digabungkan, kes di

Lembah Klang dan Negeri Sembilan adalah 462 kes," katanya sambil menyentuh mengenai banyak kes yang membabitkan selatan Selangor dan utara Negeri Sembilan.

Menurutnya, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) adalah bagi mencegah penularan termasuk sehingga ke Me-

laka dan Johor.

"Apa pun, sekarang ini virus ada dalam komuniti, jangkitan berlaku di sekolah, tempat kerja, kilang, pusat perubatan dan sebagainya.

"Inilah (langkah pelaksanaan PKPB) kita lihat untuk bagaimana kita dapat membendung jangkitan Covid-19 sebelum ia merebak dengan lebih dahsyat," katanya.



KERATAN AKHBAR
13 November 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Sabah masih tertinggi
Muka Surat	:	8

Sabah masih tertinggi

*996 pesakit Covid-19 sembuh
manakala 919 kes baharu
dilapor dalam tempoh 24 jam*

Putrajaya

Sejumlah 996 pesakit sembuh daripada wabak Covid-19 iaitu lebih tinggi berbanding 919 kes baharu yang dilaporkan dalam tempoh 24 jam di negara ini, kata Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata ini menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sebanyak 32,069 kes manakala bilangan kes aktif dengan kebole-hjangkitan mencatat 11,419 kes.

Menurut beliau, daripada 919 kes baharu semalam, 916

adalah kes penularan dalam negara sementara bakinya kes import.

Bagi penularan tempatan, Sabah terus mencatat kes baharu tertinggi dengan 318 kes, diikuti Negeri Sembilan (240), Selangor (174), Pulau Pinang (63) dan Kuala Lumpur (47).

"Lain-lain negeri pula melibatkan Labuan sebanyak 35 kes, Perak (sembilan) Sarawak, Johor dan Melaka masing-masing lapan, Kedah (tiga), Kelantan (dua) dan Putrajaya (satu)," katanya pada sidang media harian, semalam.

**Jumlah kumulatif
kes pulih sebanyak
32,069 kes**



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 13 November 2020		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	400 penduduk dah ghaib
Muka Surat	:	10





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 13 November 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	93% kawasan sudah terima bekalan air
Muka Surat	:	20

93% kawasan sudah terima bekalan air

Shah Alam: Sejumlah 1,185 kawasan atau 93 peratus dari 1,279 kawasan yang terbabit dengan gangguan bekalan air tidak berjadual sudah menerima bekalan air sepenuhnya sehingga jam 6 petang semalam.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dalam satu kenyataan berkata, sehingga kini, masih berbaki 94 kawasan di wilayah yang terjejas berada dalam proses pemulihan.

“Setakat ini wilayah Pe-



Setakat ini wilayah Petaling, Kuala Lumpur dan Kuala Selangor masing-masing sudah mencapai pemulihan bekalan air pada tahap 99 peratus”

Jurucakap Air Selangor

taling, Kuala Lumpur dan Kuala Selangor masing-masing sudah mencapai pemulihan bekalan air pada tahap 99 peratus.

“Sementara itu, wilayah Hulu Selangor dan Gombak masing-masing pada 91 peratus dan 87 peratus.

“Manakala wilayah Kuala Langat dan Klang/Shah Alam pula masing-masing berada pada 80 peratus dan 72 peratus,” menurut kenyataan itu.

Air Selangor juga mengi-

ngatkan pengguna yang sudah menerima bekalan air agar menggunakan air secara berhemat bagi memastikan pelan pemulihan bekalan air berjalan lancar.

Menurutnya, status pemulihan bekalan air dari semasa ke semasa dimaklumkan menerusi semua medium komunikasi rasmi iaitu aplikasi Air Selangor, Twitter, Facebook dan Instagram Air Selangor dan laman sesawang www.air-selangor.com.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 13 November 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Selangor teliti isu tanah skuad 1995
Muka Surat	:	55

Selangor teliti isu tanah skuad 1995

Oleh **Norzamira Che Noh**
 sukanteam@nstp.com.my

Shah Alam: Kerajaan negeri akan menyemak serta meneliti data Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sebelum ini berkaitan tawaran sebidang tanah kepada skuad Selangor yang menjulang Piala Malaysia 1995.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, beliau akan menyemak maklumat sama ada tawaran tanah itu pernah diluluskan dan jika benar, di mana lokasinya.

Katanya, untuk memenuhi tawaran (sebidang tanah), ia mungkin membebankan kerana lebih 30 orang terbabit termasuk pegawai, jurulatih dan pemain malah ada yang sudah meninggal dunia.

"Justeru, kita perlu semak dahulu permohonan mereka dan mungkin satu pertemuan akan diatitkan bersama untuk berbincang mengenai perkara ini. Walaupun ini bukan bebanan yang perlu ditanggung kerajaan negeri sekarang, saya rasa mereka menyumbang kepada kejayaan dan kemilangan negeri satu ketika dahulu malah dikenali sampai sekarang.

"Saya ada rasa simpati dan kita perlu teliti apa bantuan yang perlu kita berikan," katanya kepada pemberita pada sidang media Program

Pembangunan Usahawan India Selangor (SITHAM) Yayasan Hijrah Selangor di Bangunan SUK Selangor, semalam.

Kelmarin, skuad Piala Malaysia Selangor 1995 mengadakan sidang media khas mempersoalkan tawaran sebidang tanah seluas 0.4 hektar yang dijanjikan kepada mereka selepas kejayaan merangkul Piala Malaysia pada tahun berkenaan.

Wakil pemain yang juga kapten Selangor pada 1995, Ismail Ibrahim mahukan penjelasan daripada pihak bertanggungjawab mengenai ganjaran terbabit memandangkan ia sudah dianugerahkan secara nyata kepada mereka.

Pada 11 November 1995, Selangor menjulang Piala Malaysia buat kali ke-28 selepas menanti sembilan tahun untuk menjuarai trofi terbabit.

Atas keprihatinan dan penghargaan kerajaan negeri ketika itu, Menteri Besar (Tan Sri Muhammad Muhd Taib) membuat pengumuman untuk menganugerahkan sebidang tanah kepada setiap pemain dan pegawai Selangor.

Bagaimanapun, selepas 25 tahun menanti, skuad berkenaan masih belum menerima tanah yang dijanjikan.



“
 Mungkin satu pertemuan akan diatitkan bersama
 Amirudin



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
13 November 2020		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	PM bersidang secara maya di ASEAN ke-37
Muka Surat	:	6



